EKSKAVASI DI JUGRA

EXCAVATION IN JUGRA

Jugra yang terletak di daerah Kuala Langat merupakan pusat pentadbiran Kesultanan Selangor yang ketiga selepas Bukit Malawati di Kuala Selangor dan Bandar di Kuala Langat. Daripada segi geografi, Jugra menghadap ke arah Selat Melaka dan berdekatan dengan muara Sungai Langat. Kawasan Jugra meliputi Bukit Jugra, Kelanang, Kampung Sungai Arak dan Kampung Chodoi. Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad memerintah negeri Selangor, Bukit Jugra telah dijadikan tempat bersemayam Sultan Selangor dari 1876 hingga 1898. Bukit Jugra merupakan lokasi yang strategik kerana berhampiran dengan laut dan menghadap Selat Melaka.
Penyelidikan arkeologi dan kegiatan ekskavasi di kawasan Bukit Jugra telah mula dilaksanakan pada tahun 2001 oleh Lembaga Muzium Selangor ketika itu. Pasukan penyelidik telah melaksanakan survei arkeologi secara menyeluruh pada keseluruhan Bukit Jugra. Dalam survei tersebut, pasukan penyelidik telah menemui dan mendokumentasikan monumen seperti perigi lama, istana lama, tangga batu, tembok batu, dinding kota dan kubu pertahanan yang terletak di puncak Bukit Jugra.

Pasukan penyelidik juga turut melaksanakan kegiatan ekskavasi di beberapa tapak bersejarah yang terdapat di kawasan Bukit Jugra. Kegiatan ekskavasi ini telah dilaksanakan di tapak Muzium Insitu Jugra, tapak perigi lama Jugra, tapak bekas Pejabat Daerah Lama Jugra dan tapak bangunan lama Jugra yang berhampiran dengan Makam Sultan Abdul Samad. Secara keseluruhannya, pasukan penyelidik telah menemui pelbagai artifak hasil daripada kegiatan ekskavasi ini seperti tembikar tanah, tembikar biru putih, mata wang, peluru meriam dan tembikar Eropah.



Jugra is located in the Kuala Langat district and is the third administrative centre of the Selangor sultanate after Bukit Malawati in Kuala Selangor and Bandar in Kuala Langat. In terms of geography, Jugra is faced towards the Malacca Strait and is close to the mouth of the Langat River. The Jugra area includes Jugra Hill, Kelanang, Kampung Sungai Arak and Kampung Chodoi. During the reign of Sultan Abdul Samad in Selangor, Bukit Jugra was used as the Sultan of Selangor's residence from 1876-1898. Bukit Jugra is a strategic location because of how close it is to the sea and faces the Malacca Strait.

Archaeological research and excavation activities in the Jugra Hill area were carried out in 2001 by the Selangor Museum Board at the time. A team of researchers carried out a thorough archeological survey on the entirety of Jugra Hill. In the survey, a team had found and documented monuments such as old wells, old palaces, stone stairs, stone walls, city walls and a fortress that can be found on the top of Jugra Hill.

The research team also conducted excavation activities in a few historical sites that can be found in the Jugra Hill area. These excavation activities were conducted at the Jugra Museum Institute site, the old Jugra well site, the old Jugra district office site and an old Jugra building site near Sultan Abdul Samad's tomb. All in all, the research team found many artefacts from their excavation, such as clay pots, blue white coloured pots, money, cannonballs and European pots.